

UMS, DBKK jayakan seminar pelancongan komuniti

UB 31.1.2018 B3

FAKULTI Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), dan Pusat Penyelidikan Pelancongan Borneo, Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Seminar Pembangunan Produk Pelancongan 2018 di Kampung Kobuni, Inanam.

Pengerusi seminar merangkap Pensyarah Kanan FPEP UMS Dr Awangku Hassanal Bahar Pengiran Bagul berkata, seminar anjuran bersama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) itu bersempena program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bagi pelancongan berdasarkan komuniti di sekitar Bandaraya Kota Kinabalu.

“Kampung Kobuni telah menjadi tumpuan sebagai salah satu tapak pelancongan komuniti yang baharu dan berpotensi di Kota Kinabalu.

“Justeru, seminar



HASSANAL berkongsi idea mengenai pembangunan pelancongan di Kg Kobuni pada seminar berkenaan.

ini dianjurkan untuk membantu masyarakat setempat menyusun strategi perancangan dan pembangunan pelancongan mereka,” katanya ketika ditemui selepas seminar itu.

Menurut beliau, walaupun pelancongan di Kg Kobuni masih berada di peringkat awal, ia telah

menerima kehadiran ramai pengunjung terutamanya pelajar sekolah dari seluruh negara di samping telah dinobatkan sebagai penerima ‘Anugerah Desa Sejahtera’ peringkat daerah pada 2014.

“Pada tahun lalu, Kg Kobuni juga memenangi Anugerah Kampung Terbersih pada

pertandingan Kampung Bebas Sampah anjuran DBKK,” tambahnya yang turut memberi ceramah pada seminar itu.

Sementara itu, Pengarah Ekonomi, Pelancongan dan Biro Hubungan Antarabangsa DBKK Fauziahton Awang Samad turut berharap agar seminar itu mampu

membantu penduduk setempat untuk memajukan lagi sektor pelancongan di kampung itu.

“Saya juga berterima kasih kepada UMS dan berharap agar universiti ini akan terus menyokong pelancongan berdasarkan komuniti di Kota Kinabalu melalui program-program seumpama ini,” katanya.

Pada seminar berkenaan, Awangku Hassanal bersama dua lagi Pensyarah Kanan Program Pengurusan Pelancongan UMS, Dr Tini Maizura Mohtar dan Kamarul Mizal Marzuki berkongsi idea serta membantu masyarakat setempat dalam merancang dan membentuk pelancongan di

kampung itu.

Seminar sehari itu disertai seramai 30 penduduk Kampung Kobuni.

Majlis perasmianya disempurnakan Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Negeri Sabah Ag Ahmad Zaki Abu Bakar.



PARA peserta seminar merakam gambar kenangan bersama pihak pengurusan.